

# LKIM peneraju pameran teknologi dan perdagangan sektor perikanan sempena MAHA 2024

UM 17/9/24 PG 9

**SERDANG:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memainkan peranan signifikan sempena sambutan 100 tahun Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agroperniagaan Malaysia (MAHA) 2024.

LKIM dipertanggungjawab sebagai agensi peneraju pameran Segmen Akuakultur di bawah Jawatankuasa Kecil Pameran Dewan A yang diterajui oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (BIMAT), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan bersama-sama LKIM adalah Jabatan Perikanan Malaysia dan para pengusaha industri akuakultur.

LKIM memfokuskan pameran modenisasi sistem ternakan dan jaringan pemasaran subsektor akuakultur negara selaras hasrat menjadikan MAHA 2024 berperanan sebagai medium galakan kepada masyarakat umum untuk menceburi bidang pertanian yang berteknologi tinggi.

Objektif utama pameran Akuakultur oleh LKIM pada MAHA 2024 adalah, memperluas jaringan hubungan di kalangan pengusaha industri akuakultur, penyelidik dan pelabur di peringkat antarabangsa



**KETUA Pengarah LKIM, Encik Hamdan Bin Mamat bersama Yang Berbahagia Dato' Wira Haji Mahfuz Omar di hadapan Akuakultur.**

seiring dengan penganjuran MAHA Go Global (MGG).

Di bawah tema ini, LKIM mengumpulkan pemain dan pelabur yang berpotensi dalam industri akuakultur di seluruh dunia khususnya rantau Asia.

Selain itu, ia bagi mendapatkan maklumbalas pasaran produk makanan dan minuman industri akuakultur di luar negara dari

aspek pembungkusan, spesifikasi produk, harga pasaran, peraturan import, eksport, standard piawaian yang digunakan dan juga citarasa konsumen.

Pameran ini akan memaparkan rantaian nilai subsektor akuakultur, hidupan ternakan akuakultur, produk akuakultur serta teknologi moden seperti Digital Smart Farming dan Sistem Recirculating

Aquaculture (RAS).

Terdapat juga pameran Malaysia Good Agricultural Practices (myGAP), rawatan air kolam, dan permainan Virtual Reality (VR) kolam akuakultur serta pameran syarikat ternak, pengeluar dan pemproses.

Sementara itu, di MAHA Go Global, MyFISHTRADE adalah jenama yang dipilih untuk

menonjolkan sektor berkaitan perikanan sebagai prospek yang sedang berkembang seperti akuakultur, pemprosesan hasil perikanan, produk sejuk beku dan nilai tambah, ikan hiasan serta khidmat nasihat pasaran.

MyFISHTRADE merupakan segmen di bawah MAHA GO GLOBAL di Dewan C yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) KPKM manakala LKIM sebagai penyelaras utama dan disokong oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

MyFISHTRADE memfokuskan kepada 16 buah syarikat berkaitan sektor perikanan untuk mengembangkan pasaran ke peringkat global.

Melalui platform ini, syarikat yang dipilih berpeluang mengetengahkan produk dan perkhidmatan melalui jaringan kerjasama dengan pembekal, pengedar dan pelabur antarabangsa yang berpotensi.

Di MyFISHTRADE, selain pameran akuakultur, terdapat produk sejuk beku, produk nilai tambah, pemprosesan, tepung ikan, ikan hiasan, makanan ikan, khidmat perundingan dan skin care.